



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Galeri Aktiviti Akhbar Bernama - Peruntukan RM40 Juta Untuk KUTAR Diserah Kepada Tabung Amanah Apabila Diluluskan

🕒 Khamis, Dis 05 2019



TARU
TUNKU ABDUL RAHMAN
UNIVERSITY COLLEGE

PUTRAJAYA, 4 Dis -- Peruntukan RM40 juta untuk manfaat Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR) bagi tahun 2019 akan diserahkan kepada tabung amanah yang dikendalikan Tunku Abdul Rahman Alumni Association (TAA) sebaik sahaja ia ditubuhkan, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Menurutnya, penubuhan tabung amanah itu dijangka diluluskan pada akhir bulan ini.



Kerajaan sebelum ini menjanjikan peruntukan sekurang-kurangnya RM30 juta setiap tahun untuk tabung amanah yang dicadangkan bermula 2019, untuk manfaat KUTAR dan pelajar institusi tersebut, katanya.

"Untuk tahun ini, sebanyak RM40 juta akan diperuntukkan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Selain TAA, yang terdiri daripada bekas pelajar KUTAR yang merupakan golongan profesional dan usahawan perniagaan berjaya, pemegang amanah yang dicadangkan akan mempunyai seorang wakil masing-masing daripada kalangan pelajar KUTAR dan Kementerian Kewangan, katanya.

"TAA harus diberikan peluang sepenuhnya untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dan membuktikan cara mereka dapat memenuhi bidang tugas mereka untuk menggunakan dana bagi manfaat KUTAR dan kebajikan para pelajar mereka," kata Lim.

-- BERNAMA



Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📞 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **15 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

